



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

SIARAN MEDIA

PERLUASAN PENGGUNAAN AUTOGATE BAGI TUJUAN PELEPASAN KELUAR IMIGRESEN DARI MALAYSIA KEPADA NEGARA ASEAN DAN TIMOR LESTE

1. Kementerian Dalam Negeri (KDN) ingin mengumumkan bahawa kemudahan penggunaan *autogate* passport bagi tujuan pelepasan keluar imigresen dari Malaysia di Lapangan Terbang Antarabangsa (KLIA) Terminal 1 dan Terminal 2 dipanjangkan kepada enam (6) negara *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) iaitu Indonesia, Kemboja, Laos, Myanmar, Filipina, Vietnam serta Timor Leste bermula **15 Februari 2025**.
2. Pada masa ini, penggunaan *autogate* pasport bagi tujuan pelepasan imigresen telah diberikan kepada 63 buah negara termasuk dua (2) buah negara ASEAN iaitu Singapura dan Brunei. Pengecualian turut diberikan kepada pemegang pasport dari negara yang tidak dilengkapi dengan cip, selaras dengan keperluan **Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO)** untuk keselamatan dan pematuhan teknikal bagi membolehkan sistem *autogate* mengesahkan identiti dengan tepat dan selamat.
3. Langkah perluasan kemudahan *autogate* ini adalah selaras dengan aspirasi **Kerajaan MADANI** untuk memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap, pantas dan berteraskan ihsan kepada rakyat serta pengembara asing. Inisiatif ini turut mendukung semangat keterangkuman dan kerjasama serantau, terutamanya dalam memperkukuh hubungan diplomatik dan pelancongan antara Malaysia dan negara-negara ASEAN serta Timor Leste.

4. Kemudahan ini juga merupakan sebahagian daripada usaha strategik Kerajaan dalam meningkatkan kecekapan pengurusan pergerakan pengembara di pintu masuk negara, khususnya dalam menghadapi peningkatan ketara jumlah pelancong antarabangsa sempena **Kepengerusian ASEAN Malaysia 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM 2026)**.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

28 Mei 2025

- TAMAT -

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Dalam Negeri

mediaukom@moha.gov.my | pro@moha.gov.my | 03-88800806/0807/0812